



e-BULETIN Edisi 1/2021 • Jan - Mac 2021

CAKNA KELUARGA



www.ypkt.gov.my



YPKT_{Trg}



Media YPKT

KOMPLEKS IBU TUNGGAL NEGERI TERENGGANU PUSAT SETEMPAT KOMUNITI ANDA

- Pusat Jualan Produk Ibu Tunggal
- Pusat Terapi Urutan
- Bimbingan & Kaunseling
- Kelas Pengajian Al-Quran
- Program Waladun Soleh dan Baitul Urus
- Kelas Kulinari
- Kemudahan Dewan dan Bilik Mesyuarat

TIP-TIP KELUARGA BAHAGIA

ISI KANDUNGAN

- | | | | |
|----|------------------------------------------------------------|----|------------------------|
| 3 | Cetusan Minda | 11 | Infografik |
| 4 | Kata-Kata Ketua Pengarang | 13 | Keluarga Baitul Jannah |
| 5 | Selayang Pandang | 14 | Pendidikan Anak-Anak |
| 6 | Kursus Jahitan Komuniti YPKT Marang | 15 | Bimbingan & Kaunseling |
| 7 | Lawatan Penentusanah Pentaulahan SLDN Akademi Jahitan YPKT | 16 | Info Sihat |
| 8 | Penyampaian Pinjaman Modal Program Jaya Diri | 17 | Bingkisan Nurani |
| 9 | Sekolah Pondok Menguasai Kemahiran Jahitan | 18 | Sorotan Kembali |
| 10 | Sistem Kualiti, Inovasi & Korporat | 19 | Infografik |

SIDANG REDAKSI

Penaung

Haji Wan Mohd Zaki bin Wan Abdullah
Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

Ketua Pengarang

En. Nazri Yusoff
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan, Inovasi & Korporat

Penyunting

En. Badrul Hisham bin Mukhtar
En. Azlan Zulhisham bin Mansor
En. Ahmad Syarafuddin bin Aman @ Abdul Halim
Cik Nurdina Kamilah binti Zakaria
Pelajar Praktikal UniSZA

Pereka Grafik

En. Ahmad Syarafuddin bin Aman @ Abdul Halim

Jurufoto

En. Badrul Hisham bin Mukhtar
En. Ahmad Azlan bin Ahmad
En. Ahmad Syarafuddin bin Aman @ Abdul Halim

Sumbangan

Haji Abd. Ghafar bin Mamat
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Komuniti

Haji Mohd Ali @ Mohd fauzy bin Abd. Ghani
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Keluarga

Cik Zainur Suhada binti Mamat
Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Keluarga



Cetusan. minda

HAJI WAN MOHD ZAKI BIN WAN ABDULLAH

Pengarah

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat bersama-sama dengan warga YPKT dalam platform e-buletin kali ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sidang pengarang dan semua yang terlibat hingga e-buletin keluaran sulung bilangan 1 edisi Januari – Mac 2021 dapat diterbitkan.

Sejak 18 Mac 2020, Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP. Mulai saat itu, Kerajaan telah melaksanakan kuatkuasa dan Standard of Procedure (SOP) agar kita sama-sama dapat menangani penularan wabak COVID-19 di negara kita. Dengan kempen dan nilai-nilai yang diterapkan ini, kita telah dapat menyesuaikan budaya dan melaksanakan norma-norma baru dalam kehidupan dengan baik secara amnya.

Perubahan yang berlaku ini juga turut memberi perubahan budaya kerja iaitu bekerja secara anjal dimana Bekerja Dari Rumah (BDR) atau “work from home” diperkenalkan. Keanjalan ini diharap dapat dibuat penyesuaian agar pekerja khususnya pegawai dan kakitangan YPKT dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan. Situasi yang berlaku ini juga turut merancakkan lagi perkhidmatan dan urusan Kerajaan dibuat secara atas talian (online) telah dipraktikkan secara meluas sejak kebelakangan ini.

Penerbitan sulung e-buletin Cakna Keluarga ini adalah tepat pada masanya. Selain daripada menyebarkan maklumat dan info-info berkaitan fungsi dan aktiviti-aktiviti YPKT, ia juga sebagai penghubung dan penyertaan yang responsif antara agensi dan klien YPKT dan rakyat secara keseluruhannya. Maklumat-maklumat yang dikongsi dan diselaraskan di peringkat kawasan dan bahagian di YPKT akan melancarkan lagi proses penerbitan ini bagi keluaran-keluaran yang akan datang.

Saya berharap dan berdoa agar kita semua sihat walafiat dan dapat bekerja dengan semangat satu pasukan, diberi kekuatan untuk mendepani cabaran mendatang dan melihat YPKT terus maju jaya di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Kata-Kata Ketua Pengarang

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Pertamanya, saya bersyukur ke hadrat Allah Taala di atas limpah kurnianya dengan berkat kerjasama pegawai dan kakitangan serta warga YPKT, e-buletin Cakna Keluarga julung kalinya dapat diterbitkan. Sesuatu yang baru dan bersifat rintis sudah tentu melalui sedikit kekangan dan kekurangan seperti penyediaan konsep, penyusunan tajuk dan segmen serta pendekatan yang menyeluruh agar ia lebih informatik, kekinian berita dan perkongsian yang menyeluruh.

Keseluruhan isi terbitan sulung e-buletin Cakna Keluarga ini merangkumi aktiviti dan program bahagian-bahagian dan unit di YPKT. Ia memuatkan sebahagian daripada latar belakang dan sejarah YPKT, aktiviti program melalui segmen dan tajuk seperti info Keusahawanan Jaya Diri, Keluarga jannah, Lensa YPKT, Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam, Sorotan - Imbas Kembali, Info Program-Program YPKT, Tip-tip Kejayaan Hidup, Rekreasi dan Riadah YPKT dan input-input lain yang bersepada yang memenuhi tuntutan dunia ni dan ukhrawi. Idea dan harapan ini akan diterus untuk kesinambungan pada siri-siri dan terbitan akan datang, In Sha Allah.

Saya juga mengalau-alukan sebarang bentuk berita dan perkongsian ilmu untuk kelancaran keluaran yang akan datang. Segala komen, respon dan pandangan yang membina dan ikhlas In Sha Allah dapat memberi manfaat kepada organisasi dan warga YPKT keseluruhannya.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan bebanyak terima kasih kepada Pengarah YPKT yang sentiasa menyokong dan memberi rangsangan positif terhadap usaha dan kerja-kerja murni ini. Begitu juga sumbangan idea dan penulisan oleh pegawai dan warga kerja YPKT diharap dapat diteruskan perkongsiannya untuk terbitan e-buletin Cakna Keluarga yang akan datang. Terima kasih seterusnya kepada 'team' Bahagian Perancangan, Inovasi Dan Korporat yang komited melaksanakan tugas dan tanggungjawab dari semasa ke semasa.

"Kita Jayakan Bersama"

Nazri Yusoff

Ketua Penolong Pengarah
Perancangan, Inovasi & Korporat

SELAYANG PANDANG

Pengarah-Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu



Y.Bhg. Dato' Haji Azman bin Muda

1 Julai 1986 hingga 16 Disember 1999



**Y.Bhg. Tuan Haji Ismail
bin Che Dagang**

17 Disember 1999 hingga 2002



Y.Bhg. Tuan Haji Mohd bin Draman

2002 hingga 13 April 2004



**Y.Bhg. Tuan Haji Mohd Shafaruddin
bin Mustaffa**

14 April 2004 hingga 15 Januari 2019



**Y.Bhg. Encik Ahmad Faris bin
Abdul Razak**

16 Januari 2019 hingga 2 November 2019

KURSUS JAHITAN KOMUNITI YPKT MARANG



7 Mac 2021 bertempat di Balairaya Kampung Medan Jaya 1, Marang. Majlis perasmian Majlis Perasmian Kelas Jahitan Komuniti (KJK) telah diadakan dan disempurnakan oleh YABhg. Toh Puan Seri Tuan Faezah binti Tuan Abdul Rahman, isteri kepada YAB. Menteri Besar Terengganu merangkap ADUN Rhu Rendang.

YABhg. Toh Puan Seri Tuan Faezah binti Tuan Abdul Rahman turut meletakkan harapan dan amanat beliau iaitu semoga para pelatih tidak hanya belajar sekadar untuk pandai menjahit tetapi juga mestilah mempunyai wawasan yang lebih tinggi iaitu untuk menjadi seorang usahawan. Diharapkan juga agar pihak komuniti setempat dapat mengambil peluang melalui platform yang telah disediakan oleh pihak YPKT dengan kerjasama JPKK.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Yang Dihormati Encik Wahab bin Osman, Pegawai Khas kepada YAB. Menteri Besar Terengganu, YBhg. Tuan Haji Wan Mohd Zaki bin Wan Abdullah, Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), serta pegawai-pegawai YPKT.





10 Mac 2021 (Rabu) – Jabatan Pembangunan Kemahiran telah menjalankan lawatan Penentusanah Pentauliahan SLDN di Akademi Jahitan YPKT di Ladang Tok Pelam. Lawatan Penentusanah telah dijalankan oleh En. Mohd Shahrol @ Shukor bin Salleh sebagai Pegawai Penentusanah dan dibantu oleh En. Mad Noh bin Deraman sebagai Panel Penetusanah.

Lawatan Penentusanah ini dijalankan untuk memastikan tenaga pengajar adalah terlatih dan mengikut permohonan yang telah dibuat. Disamping itu pemeriksaan dokumen pembelajaran, peralatan dan kemudahan yang disediakan adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

LAWATAN PENENTUSAHAN PENTAULIAHAN SLDN AKADEMI JAHITAN YPKT





16 Mac 2021 (Selasa) - Majlis Penyampaian Pinjaman Modal Program Jaya Diri bagi Parlimen Hulu Terengganu, Dungun, Setiu, Marang dan Kuala Nerus telah diadakan di Kompleks Ibu Tunggal Chendering, Kuala Terengganu.

Seramai 46 orang peserta menerima cek pinjaman yang disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Wan Mohd Zaki bin Wan Abdullah, Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

Keseluruhan jumlah pinjaman yang disampaikan adalah sebanyak RM 496,000. Semoga suntikan modal tersebut dapat membantu peserta-peserta untuk menceburi bidang perniagaan dengan betul dan lebih efisien.

PENYAMPAIAN PINJAMAN MODAL PROGRAM JAYA DIRI



SEKOLAH PONDOK MENGUASAI KEMAHIRAN JAHITAN



25 Mac 2021 (Khamis) - YB. Ustaz Satiful Bahri bin Mamat, Pengurus Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi telah membuat lawatan pemantauan Program Latihan Kemahiran Pondok Negeri terengganu di Pondok Darul Salam, Kuala Ibai, Terengganu.

Program Latihan Kemahiran ini mampu mampu melahirkan produk keluaran pondok yang produktif dan memberi peluang kepada pelajar pondok mempelajari kemahiran dalam bidang jahitan dengan mempelbagai dan memperluaskan bidang jahitan.

Dengan kemahiran jahitan ini pelajar-palajar sekolah pondok mampu membuat sendiri jubah, baju, seluar dan lain-lain.



● SISTEM KUALITI, INOVASI & KORPORAT



Audit ISO:9001:2015 Secara Online Dengan AJA Certification (M) Sdn. Bhd
28 Februari 2021



Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA
14 Mac 2021



Taklimat Integriti - Pelan Anti Rasuah Jabatan (OACP) Online
30 Mac 2021



قُحْمَلْنُ نورِمَلْ كرجا بهارو ياياسن قمباغونن كلوارني ترغلغانو

PENGAMALAN NORMAL KERJA BAHARU YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU



Proses saringan suhu di pintu masuk Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu



Pengisian nama dan maklumat diri didalam buku yang disediakan di kaunter



Amalan menggunakan hand sanitizer dan membasuh tangan



Mengekalkan jarak sosial 1 meter antara individu pada setiap masa



Digalakkan memakai penutup muka (face mask) dan diwajibkan kepada mereka yang bergejala



Tatacara mesyuarat adalah sebagaimana yang disyaratkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)



Ketua bahagian/unit membuat penggiliran tugas kepada pegawai/kakitangan untuk setiap hari bekerja bagi mengelakkan perhimpunan ramai di pejabat

#jagakesihatan

#kitajagakita

#covid19



www.ypkt.gov.my



YPKTrg



Beautiful Terengganu Malaysia

VAKSINASI: APA ANDA PERLU TAHU

SIAPA YANG PATUT AMBIL VAKSIN COVID-19



- Berumur 18 dan ke atas boleh divaksinasi
- Komorbid* adalah berisiko tinggi untuk mengalami kesan yang teruk daripada COVID-19 sekiranya dijangkiti
- Oleh kerana itu, komorbid perlu divaksinasi untuk melindungi mereka dari mengalami kesan yang teruk daripada jangkitan
 - Komorbid ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai dua atau lebih penyakit/keadaan perubatan yang tidak berkaitan secara serentak*

KUMPULAN BERISIKO TINGGI YANG LAYAK UNTUK DIVAKSINASI

Senarai penyakit yang pengidapnya berisiko tinggi dan menjadi KUMPULAN UTAMA untuk divaksinasi

Diabetes: Sama ada jenis 1 atau 2	Obesiti: BMI >40 dan mempunyai penyakit yang berkaitan dengan obesiti	Hipertensi/ Darah tinggi
Hiper-kolesterolaemia	Penyakit jantung termasuk penyakit jantung kongenital, atrial fibrilasi, penyakit arteri koronari dan lemah jantung	Penyakit paru-paru: Asma, Penyakit Pulmonari Obstruktif Kronik (COPD)
Kanser (stabil dan telah selesai rawatan)	Hamil dengan komorbid: Boleh divaksinasi antara 14-33 minggu	Penyakit buah pinggang kronik: Tahap 3-5, menjalani dialisis



UNTUK
MAKLUMAT
LANJUT,
IMBAS KOD QR.

vaksincovid.gov.my

LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

BOLEH DIVAKSINASI WALAUPUN DI DALAM KEADAAN...



Selepas kesakitan akut:
Demam (divaksinasi 2 minggu selepas penyakit)



Selepas mendapat
vaksin lain (2 minggu selepas divaksinasi)



Ibu menyusu



Alahan ringan:
makanan, ubat-ubatan,
gigitan serangga (ruam, gatal, bengkak)



HIV:
Keadaan stabil

KONTRAINDIKASI* TERHADAP VAKSINASI

Terdapat beberapa keadaan yang menjadikan VAKSINASI TIDAK SESUAI, iaitu:

- ✗ ALERGI TERUK dan ANAFILAKSIS, setelah menerima dos pertama vaksin COVID-19 (jangan ambil dos kedua)
- ✗ ALAHAN TERUK, ANAFILAKSIS terhadap vaksin, ubat-ubatan atau bahan lain

Rujuk doktor...

- jika anda mempunyai alahan dan TIDAK PASTI mengenai TAHAP ALAHAN anda
- untuk MEMBINCANGKAN JADUAL VAKSINASI jika anda termasuk dalam salah satu kumpulan berisiko tinggi di bawah:
 - PENYAKIT BERKAITAN DARAH termasuk mereka yang mengambil ubat seperti ubat pencairan darah
 - LEMAH SISTEM IMUN disebabkan penyakit atau ubat-ubatan
 - Pesakit barah yang sedang menjalani rawatan
 - Penyakit autoimun: SLE dan artritis reumatoid yang mengambil ubat tertentu
 - Mengambil STEROID bererusen
- * Kontraindikasi adalah gejala atau keadaan yang menjadikan sesuatu rawatan berisiko

● KELUARGA BAITUL JANNAH

1

Setiap hari pulang bekerja, selalu lemparkan senyuman dan sentiasa bersemangat walau hari anda tidak ceria.

2

Saling membantu dalam membuat kerja rumah. Ini adalah sunah yang dapat meringankan beban isteri sambil mengeratkan hubungan.

3

Amalkan mesyuarat keluarga sekerap yang mungkin. Cara ini dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh ahli keluarga yang lain.

4

Suami hendaklah menyimpan rahsia isteri. Hal rumah tangga jangan sesekali diceritakan kepada orang luar untuk mengelakkan fitnah dan salah faham.

5

Gunakan Nabi Muhammad sebagai model. Hidupkan amalan sunah dalam rumah tangga. Gunakan nama nabi-nabi lain untuk tujuan mendidik anak.

6

Sentiasa berubah secara positif. Sebelum cuba ubah isteri dan keluarga, ubah diri sendiri dahulu. Kelak, isteri dan anak-anak akan mengikuti.

RUJUKAN: Dr Fadzilah Kamsah



PENDIDIKAN ANAK-ANAK

KERJASAMA KEDUA SUAMI ISTERI DALAM MEMBANGUN KELUARGA DAN MENDIDIK ANAK-ANAK

Dengan perkahwinan, kedua suami isteri akan saling bantu-membantu dalam membangun keluarga dan memikul tanggungjawabnya. Tiap-tiap satu dari keduanya akan menyempurnakan tugas yang lain. Si isteri akan bekerja apa yang memang menjadi kebiasaannya; iaitu yang sesuai dengan tabiat keperempuanannya, seperti mengurus rumahtangga, mendidik anak-anak dan seumpamanya.

Telah berkata seorang penyair :

"Si ibu itu samalah dengan sekolah, jika anda pandai menyesuaikannya. Samalah seperti anda membangunkan suatu umat yang baik keturunannya."

Si suami juga akan bekerja menurut kebiasaannya, membuat kerja-kerja yang sesuai dengan tabiat dan kelelakiannya; iaitu mencukupkan keperluan anak-anak, membuat kerja-kerja rumahtangga yang berat, melindungi keluarga dari cabaran zaman, dan kesulitan-kesulitan hari-harian. Dengan itu sempurnalah semangat kerjasama antara kedua suami-isteri, yang akan membawa kepada najitah yang baik dalam hal menyediakan anak-anak yang salih, serta mendidik sebuah generasi Mu'min yang kuat, yang tersemat di dalam hatinya semangat keimanan, dan tertanam di dalam dirinya jiwa keislaman. Bahkan seluruh rumahtangganya akan merasakan kenikmatan yang total di dalam kehidupannya di balik naungan kasih-sayang, aman sentosa serta sentiasa dalam ketenteraman.



Sumber: Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam Jilid Satu : Abdullah Nasih Ulwan
Terjemahan : Syed Ahmad Semait

BIMBINGAN & KAUNSELING

TEKNIK TEGURAN 1 MINIT

Bagaimana anda sebagai ibu atau bapa perlu bertindak bagi mengataasi atau mengawal wmosi marah anak-anak? Adakah anda perlu menjatuhkan hukuman, seperti merotan, memarahi, atau menasihati mereka? Banyak kesan yang mungkin akan timbul dalam sebarang tindakan anda.

Menurut Blanchard & Johnson (1982), teknik terbaik dalam mengawal kemarahan anak-anak ialah **Teknik Teguran 1 Minit**.

- ❖ Beritahu anak apa yang berlaku dengan segera.
- ❖ Tegur anak dengan segera secara jelas apa yang berlaku.
- ❖ Beritahu anda terkejut, marah atau kecewa (mana-mana perasaan berkaitan) dengan lembut dan tegas.
- ❖ Biarkan anak anda berfikir sejenak dan memahami apa yang anda sampaikan.
- ❖ Sentuh anak anda dengan cara yang lembut atau apa-apa sentuhan yang boleh memberitahunnya bahawa anda bersamanya.
- ❖ Ingatkan kembali betapa anda sayang, hargai atau bangga dengan mereka.
- ❖ Tegaskan bahawa anda masih bersangka baik dan percaya dengan mereka.
- ❖ Beritahu mereka bahawa anak percaya mereka akan membuat tindakan yang betul jika situasi berulang. Ingatkan dia apa yang terbaik perlu dilakukan apabila marah.
- ❖ Cukup sampai disitu sahaja jangan berleter dan mengungkit-ungkit lagi.



RUJUKAN: Blanchard, K & Johnson, S (1982). *The One Minute Manager*. New York : Berkley Books

INFO SIHAT

AMALAN MAKANAN SECARA SIHAT

Pemilihan Bahan



Makanan proses (bertin / berbungkus)

- ▶ Tin tidak kemek, bocor, berkarat atau kembung
- ▶ Tidak melebihi tarikh luput
- ▶ Bungkusan (peket) tidak bocor atau kotor



Bijirin (beras) dan bijian

- ▶ Tidak reput atau berkulat
- ▶ Tidak lembad atau basah
- ▶ Tiada bahan asing



Sayur-sayuran dan buah-buahan

- ▶ Tidak layu, kering dan rosak
- ▶ Tidak berubah warna
- ▶ Tidak berbau busuk



Telur

- ▶ Tidak retak, pecah dan diselaputi najis atau kotoran



Daging dan ayam

- ▶ Warna merah dan cerah
- ▶ Tidak banyak lemak
- ▶ Tidak berbau busuk



Ikan

- ▶ Mata jernih
- ▶ Kulit berkilat dan cerah
- ▶ Isi pejal dan anjal



Udang

- ▶ Kepala tidak tertanggal
- ▶ Warna cerah
- ▶ Tidak berbau busuk

● BINGKISAN NURANI



Seulas Kata, Sedetik Rasa

“Hati yang sejahtera
Redha yang ada
Hati yang lara
Mencari yang tiada”

Jerung, Marang
April 2021

SOROTAN KEMBALI



Program Himpunan Siti Aisyah:
Seutuh Permata Seindah Humaira

2 Mac 2020



Majlis Graduasi dan Penyampaian Sijil Tamat
Latihan Perantis SLDN YPKT

8 Mac 2020



Lawatan YB Hanafiah bin Mat Melihat Pematuhan
SOP TASKA Permata Keluarga Kuala Terengganu
9 Jun 2020



Majlis Pelancaran Kursus Asuhan & Didikan Awal
Kanak-Kanak(KAP)Online
27 Julai 2020



Anugerah Keluarga Mithali: Keluarga Lengkap
dan Keluarga Tunggal
30 Disember 2020



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Jasamu
Dikenang Tahun 2020
31 Disember 2020

SKIM PERMATA Sejahtera 2021

Sumbangan Berbentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional



**ANAK PERTAMA hingga KE-6 :
RM 100.00**



**ANAK KE-8 :
RM 300.00**



**ANAK KE-7 :
RM 200.00**



**ANAK KE-9 :
RM 400.00**



**ANAK KE-10 KEATAS :
RM 500.00**

Syarat-Syarat Permohonan

- Bayi dilahirkan di Negeri Terengganu bermula 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.
- Ibu atau bapa bayi mestilah Rakyat Terengganu yang lahir atau menetap melebihi 10 tahun di Negeri Terengganu.
- Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama salinan MyKAD Ibu dan Bapa serta MyKID @ sijil lahir bayi.
- Bilangan anak dalam sebuah keluarga adalah termasuk juga daripada kalangan keluarga berpoligami.



Dapatkan Borang di :

- Pejabat YPK KUALA TERENGGANU : 09 - 616 4917
- Pejabat YPK KUALA NERUS : 09 - 667 2667
- Pejabat YPK SETIU : 09 - 609 7808
- Pejabat YPK BESUT : 09 - 697 6301
- Pejabat YPK HULU TERENGGANU : 09 - 686 1291
- Pejabat YPK MARANG : 09 - 618 9135
- Pejabat YPK DUNGUN : 09 - 848 5654
- Pejabat YPK KEMAMAN : 09 - 858 4898





YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu



09-624 9355/57/58



www.ypkt.gov.my



YPKTrg



09-624 4417



admin@ypkt.gov.my



EKSAYpkt